

Laporan Khas Sabtu

KERATAN
laporan
khas *Utusan
Malaysia*
10 Disember
2016.

JANJI MANIS EJEN INSURANS

Walaupun industri insurans hayat termasuk takaful semakin berkembang pesat dengan nilai pembelian polisi berjumlah RM53.5 bilion pada suku pertama tahun ini, namun masih ramai pemegang polisi tidak tahu apa keperluan mereka terhadap insurans.

Keadaan itu menyebabkan pelbagai situasi berlaku sesudah mereka membeli polisi.

Semak status sebelum beli insurans hayat

KUALA LUMPUR 22 Jan. - Pengguna yang berhasrat membeli insurans hayat dinasihatkan menyemak status keahlian ejen insurans dengan Persatuan Insurans Hayat Malaysia (LIAM) sebelum meneruskan urusan pembelian polisi.

Presiden LIAM, Toi See Jong berkata, mereka boleh menyemak kesahihan ejen di laman web www.liam.org.my atau melalui sistem pesanan ringkas (SMS) pada nombor 63633.

"Perkhidmatan ini bagi memastikan pengguna hanya berurusan dengan ejen-ejen yang berdaftar dengan LIAM. Ia juga bagi meningkatkan tahap profesionalisme dalam kalangan tenaga agensi di samping melindungi hak pengguna," katanya dalam satu kenyataan.

Beliau mengulas laporan khas yang disiarkan *Utusan Malaysia* pada 10 Disember 2016 mengenai pengalaman beberapa pengguna berhadapan dengan ejen insurans yang didapati menipu pelanggannya.

Menurut See Jong, hanya individu yang berdaftar dengan LIAM diberi kuasa untuk mempromosi, memasarkan dan mengedarkan produk insurans hayat di negara ini.

Beliau berkata, pengguna dinasihat supaya menghubungi LIAM sekiranya mereka berhadapan dengan ejen tidak bertauliah yang tidak dibenarkan melakukan aktiviti berkaitan penjualan produk insurans.

Katanya, pengguna boleh menghubungi LIAM secara terus di talian 03-26916168/6628/8068

atau email pertanyaan di liaminfo@liam.org.my untuk berbuat demikian.

Tambah beliau, Bank Negara Malaysia juga sebelum ini telah menguatkuasakan Rangka Kerja Industri Insurans dan Takaful dan ekoran itu persatuan tersebut telah memperkenalkan Panduan Perkhidmatan Pelanggan untuk memberi bimbingan kepada pengguna mengenai perkhidmatan nilai tambah yang bakal mereka terima daripada ejen insurans hayat.

Ia termasuk bimbingan memilih pelan yang bersesuaian, menerangkan ciri-ciri produk, membantu dalam memohon polisi, menjelaskan terma-terma dan syarat polisi serta perkhidmatan polisi secara berterusan termasuk ketika membuat tuntutan.